

**Seminar Antarabangsa Pembangunan Wilayah Ekonomi,
Perundingan dan Perntadbiran Malaysia dan Indonesia,
7-9 Jun 2010 , Riau, Indonesia**

Pembangunan Integriti di Malaysia

En. Yusof b. Pon

PEMBANGUNAN INTEGRITI DI MALAYSIA

Yusuf Pon

Zaheeruddin Othman

(Kolej Undang-undang, Kerajaan & Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia)

Pengenalan

Malaysia dalam kerangka globalisasi dunia tidak dapat lari dari elemen-elemen universal. Elemen-elemen universal seperti integriti, ketelusan, demokrasi dan sebagainya merupakan elemen kesepakatan manusia sejagat. Seperti mana negara-negara membangun yang lain tidak semua elemen yang dinamakan universal itu sesuai dengan iklim tempatan. Namun demikian, desakan dunia globalisasi dalam pelbagai bidang mendorong Malaysia untuk tidak memencilkan diri. Sebaliknya Malaysia bertindak memperkayakan elemen-elemen tersebut dengan acuannya sendiri. Di antara elemen sejagat yang menjadi keutamaan negara sejak sedekad yang lampau ialah memperkukuhkan kedudukan integriti negara.

Sungguhpun begitu, sejak akhir-akhir ini kedudukan integriti Malaysia dalam peta dunia dilihat semakin merosot. Laporan dari indeks rasuah antarabangsa menunjukkan kedudukan Malaysia dalam indeks rasuah badan dunia tersebut merosot sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Selain itu, terdapat juga kes-kes besar yang timbul dan melibatkan kebolehpercayaan tahap integriti Malaysia tercabar. Di antara kes tersebut ialah penyalahgunaan kuasa dalam pasukan polis, rasuah di kalangan menteri, kemusnahan harta benda awam (kes stadium runtuh) dan sebagainya. Akibatnya banyak pihak terutama dari parti pembangkang mendakwa amalan rasuah masih berleluasa dalam pentadbiran kerajaan Malaysia.

Persoalan di sini ialah apakah perkara yang menjadi rungutan orang awam yang secara langsungnya membawa kepada pertikaian terhadap integriti kerajaan Malaysia? Seterusnya, apakah kerajaan Malaysia tidak memandang berat mengenai integriti dalam pentadbirannya? Apakah langkah-langkah yang telah dan sedang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam menangani dan memperkukuhkan tahap integriti kerajaan? Justeru itu, kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan beberapa kes yang membabitkan persoalan integriti di Malaysia. Kedua, membincangkan langkah-langkah pengukuhan integriti yang telah diambil oleh pihak kerajaan.

Konsep Integriti

Integriti secara umumnya bermaksud kualiti unggul yang wujud di kalangan individu dan kualiti ini berteraskan kepada prinsip berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral tinggi. Di peringkat individu, integriti ialah keselarasan di antara apa yang dikatakan dengan apa yang dilakukan; keselarasan di antara tindakan dengan prinsip moral, etika dan undang-undang; serta keselarasan di antara kepentingan diri dengan kepentingan umum. Apa yang dilakukan individu itu pula tepat dan bermutu. Selain itu, integriti bermaksud keikhlasan, ketelusan, amanah, benar dan berpegang kepada prinsip. Oleh itu, sebarang usaha bagi meningkatkan integriti akan menjurus kepada melahirkan insan yang jujur, beretika serta memiliki nilai-nilai keagamaan dan kerohanian yang kukuh. Kesemua nilai-nilai ini penting dalam melahirkan generasi atau pelapis kepimpinan yang berkaliber. Masyarakat yang mempunyai tahap integriti yang rendah akan menghasilkan suasana pelaburan yang tidak baik kepada negara. Justeru itu, ia akan meletakkan negara di ambang kegagalan dalam merealisasikan Wawasan 2020 ke arah sebuah negara maju.

Manakala integriti organisasi pula dicerminkan dengan perumusan dan pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan atau sistem dan proses kerja serta pematuhan kepada amalan kerja terbaik. Kod etika organisasi ditegaskan, diulangi dan dihayati oleh anggota organisasi berkenaan sehingga menjadi kebiasaan dan akhirnya menjadi budaya organisasi.

Bagi individu yang memegang amanah seperti penjawat awam, integriti pula bermaksud melaksanakan amanah dan kuasa yang dipertanggungjawabkan menurut kepentingan umum. Mereka tidak boleh menyalahgunakan kuasanya untuk kepentingan diri mahupun keluarga. Apabila berlaku konflik kepentingan, mereka haruslah memberi keutamaan terhadap kepentingan awam. Dengan demikian, penjawat awam perlu telus serta harus memikul tanggungjawab yang diamanahkan (Sulaiman Mahbob, 2005).

Oleh yang demikian, ketiadaan ketelusan dan sifat tanggungjawab boleh menjejaskan kepercayaan umum terhadap penjawat awam. Oleh itu, integriti penting dalam melahirkan, membentuk serta membangunkan negara ke arah yang lebih maju. Kepercayaan dan tanggungjawab yang diberi oleh orang awam kepada pihak berkenaan haruslah digunakan sebaik

mungkin agar semua ini dapat menyumbang kepada pencapaian cita-cita negara ke arah menjadi negara maju mengikut acuannya sendiri.

Sekiranya perbincangan berkaitan dengan integriti dibahaskan, maka ianya tidak lengkap selagi takrifan etika diabaikan. Etika merupakan suatu tanggungjawab dan akibat daripada tingkah laku seseorang atau profesyen terhadap masyarakat. Sebagai contohnya seorang penjawat awam sepatutnya memahami tanggungjawab terhadap peranan dan tingkah laku sebagai kakitangan kerajaan. Bukan itu setakat itu sahaja, etika bermaksud satu disiplin yang akan memberitahu kita apakah sistem moral dan etika yang dihayati oleh satu-satu kelompok masyarakat, iaitu secara mengkaji, menganalisis dan mengkritik sistem moral tersebut.

Pada kebiasaannya moral dan etika boleh disamaertikan. Selain itu juga, etika juga merupakan satu cabang utama falsafah yang merangkumi kelakuan yang betul serta kehidupan yang baik. Sehubungan dengan itu, etika sering berkait rapat dengan konsep-konsep moral seperti kebaikan, kejahatan, benar, salah, kewajipan, tanggungjawab serta keadilan. Etika merupakan satu teori tingkah laku yang betul dalam kehidupan yang baik dan bukannya amalan. Justeru itu, pelaksanaan etika kerja yang baik oleh anggota perkhidmatan awam adalah perlu bagi meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam pelbagai bidang. Etika kerja ini adalah tingkah laku yang dijadikan pedoman atau pegangan bagi ahli organisasi semasa menjalankan tugas.

Etika kerja ini menerapkan prinsip-prinsip moral yang ditetapkan oleh organisasi bagi mengawal tingkah laku ahli dalam organisasinya. Ia merupakan satu kawalan bagi menentukan perlakuan selaras dengan sistem nilai organisasi tersebut. Etika kerja ini amat penting terutamanya bagi penjawat awam kerana setiap kakitangan perkhidmatan awam perlu memiliki tingkah laku yang baik sebagaimana dikehendaki oleh anggota masyarakat. Contohnya bersikap positif, berdisiplin, bertanggungjawab dan amanah.

Justeru itu, kerajaan telah memperkenalkan Etika Perkhidmatan Awam (EPA) yang bertujuan untuk memberi perkhidmatan awam terbaik kepada rakyat yang merupakan pelanggan utama. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dari masa ke semasa, mengekalkan dan memelihara kepercayaan dalam menjalankan tugas serta mewujudkan suasana

yang sihat dan cekap. Oleh itu, bagi mencapai matlamat negara, jentera pentadbiran awam perlu dikemaskini bagi memenuhi sebarang keperluan mengikut perubahan persekitaran dan cabaran semasa. Keberkesanan dan kecekapan jentera pelaksanaan dapat mendukung pembangunan negara dan meningkatkan kualiti penghidupan rakyat negara ini.

Isu-isu Integriti

Di Malaysia, isu-isu mengenai integriti terutamanya yang membabitkan kepentingan awam telah menarik minat rakyat sejak sedekad lampau. Timbulnya minat rakyat mengenai integriti menunjukkan bahawa kesedaran akan kepentingan urustadbir negara yang baik sudahpun wujud di kalangan orang awam. Kertas ini sekadar menyentuh beberapa isu yang difikirkan mendapat perhatian besar dari rakyat. Antara isu tersebut ialah skandal Zon Bebas Pelabuhan Kelang (PKFZ), skandal penjualan enjin pesawat tentera dan pertikaian kredibiliti pasukan keselamatan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Skandal Zon Bebas Pelabuhan Kelang (PKFZ) membabitkan nilai projek melebihi jutaan ringgit wang awam. Beberapa pemimpin pembangkang dan badan bukan kerajaan telah mendesak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat terhadap satu dakwaan berlakunya rasuah dalam projek tersebut. Terdapat dakwaan mengatakan bahawa Menteri Pengangkutan ketika itu Dato' Seri Ong Tee Keat menerima sejumlah RM10 juta bagi aktiviti parti Malayan Chinese Association (MCA) di mana beliau adalah presiden pada masa tersebut. Beberapa pihak telah dipanggil oleh badan pencegah rasuah, namun SPRM berpendapat dakwaan tersebut tidak benar (Malaysiakini, 27 April 2010). Selain itu skandal PKFZ turut membabitkan tindakan saman menyaman di antara beberapa pihak yang dikatakan terlibat dengan projek tersebut.

Namun begitu, dalam skandal PKFZ ini seorang bekas Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Datin Paduka Oi Choo Phang telah didakwa atas tiga tuduhan pecah amanah membabitkan RM254.85 juta dan akan dibicarakan di Mahkamah Sesyen Klang bermula 25 Ogos 2010. Datin Paduka Choo Phang, 64, mengaku tidak bersalah atas tuduhan pecah amanah terhadap dana RM98.7 juta milik lembaga tersebut melalui satu akaun di RHB Bank Bhd. dalam

skandal Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). Perbuatan itu didakwa dilakukan di LPK, Jalan Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang di sini antara 1 Oktober 2004 dan 5 September 2005. Dia membuat pengakuan yang sama bagi dua lagi tuduhan pecah amanah membabitkan RM21.6 juta dan RM134.55 juta di LPK antara 30 September 2005 dan 9 Mei 2006 serta antara 1 Jun 2005 dan 13 Januari 2006. Bagi setiap pertuduhan, wanita itu didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan serta denda jika disabitkan kesalahan (Utusan Malaysia, 4 Mei 2010).

Skandal Zon Bebas Pelabuhan Kelang ini telah mencetuskan perdebatan hangat bukan sahaja di kalangan rakyat malah turut membabitkan parti MCA. Ada penganalisis politik berpendapat kekalahan Dato' Seri Ong Tee Keat mempertahankan kedudukannya sebagai Presiden MCA kepada Dato' Seri Dr. Chua Soi Lek adalah kerana kegagalan beliau menyelesaikan isu PKFZ. Bekas Timbalan Presiden MCA, Dato' Seri Dr. Chua Soi Lek memenangi jawatan presiden parti dengan majoriti tipis 68 undi, mengetepikan bekas pemimpin nombor satu, Tan Sri Ong Ka Ting dan penyandang jawatan, Dato' Seri Ong Tee Keat dalam pemilihan parti di sini hari ini. Dato' Seri Dr. Chua Soi Lek, 62, memperoleh 901 undi berbanding Ka Ting meraih 833 undi manakala Tee Keat di tempat tercorot dengan 578 undi (Utusan Malaysia, 28 Mac 2010).

Selain itu rakyat Malaysia turut dikejutkan dengan kejadian kehilangan enjin sebuah pesawat Tentera Udara Malaysia (TUDM). Pada Jun dan November 2007, dua enjin pesawat F-5E yang masing-masing bernilai RM303,570 berdasarkan kontrak jual beli pada tahun 1972 dilaporkan hilang ketika proses penyelenggaraan rutin dan ia disyaki dijual sebagai komponen alat ganti kepada sindiket antarabangsa. TUDM mula mengoperasikan pesawat F-5E pada tahun 1974, dan pada tahun 1999 perkhidmatan pesawat itu dihentikan setelah tugasnya diambil alih oleh pesawat MiG-29N dan F/A-18D. Bagaimanapun, pada tahun 2003 pesawat itu diaktifkan semula sebagai pesawat latihan dan tinjauan bagi menampung keperluan semasa (Utusan Malaysia, 21 Januari 2010). Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) telah memanggil pihak Kementerian Pertahanan bagi mendapatkan penjelasan berkaitan insiden tersebut.

Pihak pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut tidak terkecuali dari isu-isu integriti yang membabitkan pasukan tersebut. Baru-baru ini kejadian seorang remaja ditembak oleh anggota

polis di Shah Alam telah mengundang tanda tanya akan kredibiliti pasukan tersebut. Remaja berusia 15 tahun tersebut telah ditembak oleh anggota pasukan kereta peronda apabila dikatakan beliau tidak memberhentikan kereta yang dipandunya. Kejadian berlaku pada sekitar jam 2 pagi, bagaimanapun rakan beliau yang bersama-sama dalam kereta tersebut berjaya melarikan diri. Ekoran dari kejadian tersebut, pihak kerajaan telah menubuhkan satu Panel Khas yang dianggotai beberapa pakar dari beberapa bidang untuk meneliti kes berkenaan. Kejadian ini turut mendapat reaksi besar dari keluarga mangsa, pihak parti pembangkang dan beberapa pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Kes-kes yang dibincangkan di atas merupakan contoh dari banyak kes membabitkan integriti yang berlaku di Malaysia. Sebahagian dari kes-kes membabitkan integriti hanya akan mendapat perhatian pihak kerajaan apabila ianya disiarkan oleh media massa secara besar-besaran. Peranan pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) turut membantu menarik perhatian pihak kerajaan akan keperluan untuk memelihara hak-hak orang awam. Namun begitu, tindakan mengangkat isu-isu integriti ke pengetahuan awam bukanlah dianggap untuk menyerang pihak kerajaan. Sebaliknya, kes-kes sedemikian serta tindakan pihak tertentu telah membantu pihak kerajaan memperkukuhkan tahap integriti terutama di kalangan penjawat awam.

Kemerosotan integriti

Kemerosotan etika dan integriti sesebuah negara boleh memberikan implikasi yang sangat buruk kepada sosio-ekonomi, budaya dan politik. Kejatuhan integriti tersebut boleh mempengaruhi dasar pembangunan yang menyebabkan keputusan untuk pelaburan dan pembangunan lebih dipengaruhi oleh keuntungan peribadi pihak tertentu daripada kepentingan masyarakat. Umum mengetahui bahawa sistem kehakiman negara merupakan salah satu cabang daripada pentadbiran negara. Namun, disebabkan oleh kemerosotan integriti maka menyebabkan institusi tersebut sering dijadikan bahan jenaka masyarakat yang terus memandang negatif terhadap peranan yang dilaksanakan dalam menangani gejala rasuah mahupun penyalahgunaan kuasa. Oleh yang demikian, imej dan kredibiliti badan kehakiman tercemar dengan beberapa keputusan yang selalunya dikatakan akan menyebelahi orang berkepentingan dan tokoh-tokoh politik.

Selain itu, dalam pemerintahan kerajaan Malaysia yang mempunyai sistem dua parti, kegagalan dalam mengurustadbir negara secara berkesan boleh menyebabkan pihak pemerintah akan mengalami kemerosotan sokongan di kalangan rakyat. Pihak pembangkang akan menggunakan isu rasuah dan integriti ini sebagai bahan perbincangan di parlimen bagi mencari kelemahan pentadbiran di pihak pemerintah.

Di peringkat antarabangsa terdapat beberapa pengukuran asas bagi kelakuan rasuah, antaranya ialah *Corruption Perceptions Indeks (CPI)*. Pengukuran indeks tersebut yang dijalankan oleh Transparency International (TI) menjadi petunjuk asas untuk mengukur indeks rasuah di peringkat negara. Kedudukan indeks rasuah yang tinggi boleh menjejaskan pentadbiran sesebuah negara. Secara tidak langsung, kejatuhan indeks rasuah di sesebuah negara akan menjejaskan pembangunan ekonomi. Ini adalah kerana dalam hubungan ekonomi antarabangsa, kebanyakan para pelabur akan menanam modal di negara yang mempunyai kemantapan integriti dalam usaha mengembangkan struktur ekonomi sesebuah negara.

Perlakuan rasuah dalam kepimpinan kerajaan yang dilaporkan melalui media massa secara meluas menyebabkan persepsi negatif terhadap pentadbiran kerajaan. Apabila terdapat pemimpin atau tokoh politik atau ketua jabatan kerajaan dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan rasuah dan kenyataan berulang-ulang tokoh tertentu mengenai aduan atau maklumat rasuah seperti politik wang atau rasuah politik menyebabkan masyarakat memandang serong terhadap pegawai kerajaan. Ekoran daripada itu media asing terus melabelkan pentadbiran kerajaan Malaysia dengan kemerosotan integriti. Maka dengan itu ianya menyebabkan laporan negatif terhadap Malaysia oleh media asing semakin meningkat. Kecanggihan sistem komunikasi pada masa sekarang juga membolehkan berita dan maklumat berkaitan dengan gejala rasuah boleh diperdebatkan secara meluas. Kemunculan blog-blog peribadi juga dijadikan sebagai wadah utama untuk berbincang isu-isu politik termasuklah isu gejala rasuah pihak pemerintah.

Perlaksanaan dan kejayaan agenda integriti nasional hendaklah dilaksanakan dengan sebaik mungkin oleh setiap sektor dan anggota masyarakat. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kemerosotan integriti antaranya seperti kelemahan individu, kepimpinan yang

lemah, sistem dan prosedur yang kurang jelas, budaya kurang menitikberatkan integriti dan struktur institusi yang kurang jelas.

Kelemahan individu merupakan antara cabaran utama yang perlu ditangani. Aspek kelemahan individu amat mempengaruhi nilai yang ada pada diri seseorang. Adalah penting bagi pihak pemerintah untuk meningkatkan kesedaran seseorang supaya menghindarkan diri dari melakukan perkara-perkara negatif. Kelemahan individu mungkin berpunca daripada kurangnya penghayatan terhadap nilai-nilai murni sewaktu bertugas, sikap tamak serta mementingkan diri sendiri. Di samping itu, faktor persekitaran juga boleh mempengaruhi nilai-nilai negatif. Sebagai contoh, tekanan hidup menyebabkan seseorang mudah terjebak dengan gejala tidak bermoral.

Dari aspek kepimpinan pula, tahap kepimpinan yang lemah juga boleh menjurus kepada perlakuan rasuah. Kepimpinan yang kurang berteladan dan lemah iltizam boleh mempengaruhi pekerja bawahan terdorong untuk melakukan rasuah. Kelemahan dari aspek sistem dan prosedur juga boleh mendorong kepada berlakunya kemerosotan integriti. Hal ini berlaku mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti kurangnya penguatkuasaan dan pemantauan yang berterusan serta mungkin juga disebabkan oleh kekangan daripada keupayaan sumber manusia. Selain itu, aspek budaya juga dikenalpasti sebagai penyumbang kepada kemerosotan integriti. Ianya terjadi apabila masyarakat kurang menitikberatkan integriti dan beranggapan bahawa integriti hanyalah isu remeh yang tidak memberi kesan terhadap kehidupan mereka. Sikap tidak ambil peduli dan enggan membuat laporan terhadap isu rasuah juga mendorong berlakunya rasuah secara perlahan-lahan yang akhirnya menjadi gejala atau penyakit yang agak serius.

Struktur dan institusi yang tidak kemas dan kurang fokus terhadap isu integriti juga dikenalpasti sebagai faktor terakhir kemerosotan integriti. Pertindihan tanggungjawab dan kurangnya koordinasi antara agensi-agensi yang terlibat dalam pemantapan integriti menyebabkan wujudnya pertentangan nilai yang menjurus ke arah perbezaan nilai.

Langkah Menangani Kemerossotan Integriti

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah penting untuk meningkatkan etika dan integriti dalam sektor awam. Antara langkah yang telah dijalankan ialah memperkenalkan program penghayatan nilai-nilai mulia. Pengenalan program-program seperti Bersih, Cekap dan Amanah, Penerapan Nilai-nilai Islam, Budaya Kerja Berkualiti, Piagam Pelanggan dan Kepimpinan Melalui Teladan amat penting untuk diterapkan ke dalam jiwa penjawat awam. Semua ini diperkenalkan oleh kerajaan bagi meningkatkan integriti dalam sektor awam supaya ahli-ahlinya tidak terlibat dalam gejala rasuah, penyalahgunaan kuasa serta penyelewengan. Penghayatan dan pemahaman melalui program-program tersebut dilihat kerajaan sebagai langkah untuk mendidik penjawat awam supaya bebas dari gejala rasuah dan penyelewengan.

Selain itu, kerajaan telah memperkenalkan Akta Pencegahan Rasuah pada tahun 1961. Akta ini kemudiannya dipinda pada tahun 1997. Akta Pencegahan Rasuah 1997 tidak memberikan definisi khusus kepada perkataan 'rasuah' tetapi mempunyai peruntukan yang komprehensif dan efektif bagi menjadikan segala perbuatan rasuah suatu kesalahan. Secara amnya adalah menjadi kesalahan si bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997 mana-mana orang yang secara rasuah meminta, menerima, menawarkan, memberikan atau menjanjikan apa-apa suapan (Zulkipli Mat Noor, 2005). Akta ini diperkenalkan bagi menangani dan membanteras gejala rasuah dan penyelewengan. Akta ini memainkan peranan penting untuk memberi kesedaran kepada penjawat awam supaya mengamalkan sikap amanah dalam menjalankan tugas.

Badan Pencegahan Rasuah (BPR) ditubuhkan pada tahun 1969 dengan objektif untuk mencegah segala bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dengan berkesan dan berterusan. Bagi memantapkan dan memperluaskan peranan dan tanggungjawab BPR, pada 1 Januari 2009 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah diperkenalkan. SPRM ditubuhkan bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam usaha pencegahan rasuah serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan ketelusan dalam pelaksanaan fungsi-fungsi suruhanjaya. Bagi memastikan visi SPRM tercapai, tiga teras strategi telah dilaksanakan iaitu strategi penguatkuasaan, strategi penggalakan dan pencegahan serta strategi pengukuhan. Fokus strategi pengukuhan ialah mempertingkatkan tindakan melalui siasatan, sabitan kes di mahkamah dan

perakuan tindakan tatatertib. Strategi penggalakan dan pencegahan pula menekankan aspek pemantapan integriti dan peguquan nilai-nilai murni. Antara program utama di bawah strategi ini ialah melalui pendidikan dan penerangan yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan menyemai perasaan benci masyarakat terhadap gejala rasuah. Manakala strategi berbentuk pengukuhan pula menjurus ke arah usaha pengukuhan kapasiti SPRM serta meningkatkan kerjasama serantau dengan agensi-agensi penguatkuasaan anti rasuah antarabangsa (Zulkipli Mat Noor, 2005).

Di samping itu, kerajaan juga mengambil inisiatif dalam meningkatkan etika dan integriti dalam sektor awam dengan mewujudkan Biro Pengaduan Awam. Biro ini memainkan peranan penting sebagai tempat yang boleh digunakan oleh orang ramai untuk melaporkan serta membuat aduan tentang aktiviti rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Selain daripada Biro Pengaduan Awam dan SPRM, terdapat banyak lagi agensi dan organisasi yang terlibat dalam membanteras kegiatan rasuah. Antaranya ialah Jabatan Audit Negara, Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Kementerian Kewangan, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja serta agensi lain yang berkenaan. Peranan dan fungsi yang dimainkan memberi kesan secara langsung kepada pengukuhan integriti dan pembasmian gejala rasuah.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, strategi dan pendekatan yang berkesan dan usaha yang bersistematik adalah penting bagi memastikan gejala rasuah dapat dibendung. Kerajaan perlu menangani masalah ini secara bersepadu dan menerapkan nilai-nilai murni dalam segala tingkah laku. Kekayaan kebendaan tidak bererti sekiranya anggota masyarakat masih muflis dari segi nilai moral, etika dan integriti.

Walau apapun perancangan dan pelaksanaan telah dilakukan untuk mengatasi gejala rasuah, langkah-langkah ini tidak boleh dilakukan secara berasingan semata-mata untuk memenuhi tuntutan semasa. Satu pendekatan menyeluruh yang melibatkan semua golongan amat diperlukan untuk memastikan perancangan tersebut berjalan seperti yang dirancang. Penubuhan Pelan

Integriti Negara (PIN) merupakan satu langkah penting yang bertujuan untuk menggerakkan semua sektor sosial secara bersepadu untuk memantapkan agenda integriti nasional. PIN merupakan satu pelan induk yang bertujuan untuk menggubal strategi dan memberi hala tuju bagi semua sektor masyarakat supaya dapat berkerjasama dan mengambil bahagian secara langsung dalam usaha memantapkan nilai murni, etika dan integriti.

Rujukan

- Hamid Bugo. (2005). 'Nurturing The Integrity Culture: Administrative Perspective'. Dlm. Mazilan Musa et.al, *Etika dan Integriti Di Malaysia: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur, Institut Integriti Malaysia.
- Jamaluddin Ahmad Damanhuri. (2005). 'Pemantapan Kualiti Perkhidmatan Awam: Misi dan Visi'. Dlm. Mazilan Musa et.al, *Etika dan Integriti Di Malaysia: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur, Institut Integriti Malaysia.
- Malaysia. (1994). *Dasar-dasar Pembangunan Malaysia*. Kuala Lumpur, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Malaysia. (2006). *Pentadbiran Dan Pengurusan Awam Malaysia*. Kuala Lumpur, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Marimuthu Nadason. (2005). 'Peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan Dalam Pembentukan Masyarakat Malaysia Yang Berintegriti: Peranan FOMCA'. Dlm. Mazilan Musa et.al, *Etika dan Integriti Di Malaysia: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur, Institut Integriti Malaysia.
- Mazilan Musa. (2005). 'Tanggungjawab Sosial: Ke Arah Membina Masyarakat Korporat Prihatin'. Dlm. Mazilan Musa et.al, *Etika dan Integriti Di Malaysia: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur, Institut Integriti Malaysia.
- Mohd Nizam Mohd Ali. (2007). *Sistem Integriti Nasional: Asas-asas Panduan*. Kuala Lumpur, Institut Integriti Malaysia & United Nations Development Programme.
- Mustafar Ali. (2005). 'Membina Integriti Untuk Memerangi Rasuah'. Dlm. Mazilan Musa et.al, *Etika dan Integriti Di Malaysia: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur, Institut Integriti Malaysia.
- Sulaiman Mahbob. (2005). 'Pelan Integriti Nasional (PIN)'. Dlm. Mazilan Musa et.al, *Etika dan Integriti Di Malaysia: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur, Institut Integriti Malaysia.
- Zarinah Anwar (2005). 'Etika dan Keuntungan'. Dlm. Mazilan Musa et.al, *Etika dan Integriti Di Malaysia: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur, Institut Integriti Malaysia.
- Zulkipli Mat Noor. (2005). 'Badan Pencegah Rasuah (BPR) dalam Membasmi Rasuah Di Malaysia'. Dlm. Mazilan Musa et.al, *Etika dan Integriti Di Malaysia: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur, Institut Integriti Malaysia.
- Laporan TEKAD 2008.

<http://www.sprm.gov.my/>

Malaysiakini, 27 April 2010.

Utusan Malaysia, 4 Mei 2010.

Utusan Malaysia, 28 Mac 2010.

Utusan Malaysia, 21 Januari 2010.